

PELUANG KERJAYA DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Kami sedang mencari individu untuk menyertai perkhidmatan awam yang mempunyai ciri-ciri keperibadian berikut: (i) Mempunyai keterampilan yang baik; (ii) Mempunyai semangat yang tinggi dalam bekerja secara berkumpulan; (iii) Mempunyai bakat kepimpinan; (iv) Mempunyai ciri-ciri jati diri yang cemerlang; dan (v) Mempunyai kelayakan profesionalisme yang sesuai dengan jawatan.



SPM/SVM (KUMPULAN PELAKSANA)



» **PENGAWAS HUTAN GRED G19**

(PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN)

Kekosongan : 5

Simpanan: 15

Syarat Kelayakan :

- (i) Memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya **Gred C**) dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat SPM/ SVM dan **Sijil Perhutanan Pengawas Hutan** dari **Sekolah Latihan Perhutanan Sarawak** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
- (ii) **Sijil Pelajaran Malaysia** dan **Sijil Perhutanan Pengawas Hutan** daripada **Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia** atau **Institut Latihan Perhutanan Sabah** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Keutamaan kepada calon anak Negeri Sembilan)

Calon-calon yang telah mendaftarkan permohonan bagi jawatan di atas tidak perlu mendaftar semula. Namun demikian sila pastikan pendaftaran permohonan masih dalam tempoh sah laku iaitu dalam tempoh setahun daripada tarikh mendaftar. Calon-calon juga adalah dimohon untuk **mengemaskini pusat temu duga** yang terkini. Tarikh tutup permohonan baharu bagi jawatan ini adalah sebelum atau pada **20 Disember 2020 (Ahad), jam 11.59 malam**.

MOHONLAH SECARA ONLINE DI PORTAL SPA

<https://www.spa.gov.my>

Maklumat syarat lantikan/ gaji/ tugas-tugas jawatan di pautan berikut :
<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/spm-svm-skm-sijil/pengawas-hutan-gred-g19>